

## **SOALAN LAZIM PRODUK AR RAHNU CARE YaPEIM**

### **1. Apakah Produk Ar Rahnu Care YaPEIM?**

Merupakan salah satu produk pembiayaan kewangan baharu Ar Rahnu YaPEIM yang di wujudkan bagi membantu golongan yang ditimpa musibah dan memerlukan bantuan tunai segera dengan kumpulan sasar tertentu.

### **2. Apakah tujuan Produk Ar Rahnu Care YaPEIM?**

- (i) Membantu masyarakat yang memerlukan bantuan awal selaras dengan keadaan semasa pandemik (Covid-19) pasca pelaksanaan perintah kawalan pergerakan (PKP).
- (ii) Meringankan beban perbelanjaan bagi tempoh sementara dan untuk pelanggan mendapatkan sumber bantuan yang lain.
- (iii) Diwujudkan bagi menyantuni kumpulan sasar tertentu yang memerlukan bantuan ketika ditimpa sesuatu musibah atau mengalami situasi yang mendesak dalam mendapatkan keperluan tunai segera.

### **3. Siapakah yang layak untuk memohon Produk Ar Rahnu Care YaPEIM?**

- (i) Pesakit Kronik (45 jenis penyakit disenaraikan oleh pengendali takaful MySalam)
- (ii) Individu yang diberhentikan kerja
- (iii) Mangsa kebakaran
- (iv) Mangsa kemalangan jalan raya
- (v) Mangsa bencana alam
  - Banjir
  - Berlaku perubahan pada struktur tanah
  - Ribut
- (vi) Kematian Ketua Keluarga
  - Kemalangan
  - Kebakaran
  - Mati lemas
  - Bencana Alam

### **4. Dimanakah saya boleh mendapatkan senarai 45 jenis penyakit oleh pengendali takaful MySalam?**

Sebarang maklumat lanjut, sila hubungi Hotline 1300-88-1230 atau layari laman sesawang di [www.arrassnuyapeim.net](http://www.arrassnuyapeim.net) atau lawati FB Official Ar Rahnu YaPEIM atau kunjungi Cawangan Ar Rahnu YaPEIM yang berdekatan.

5. Apakah dokumen sokongan yang diperlukan untuk mendapatkan gadaian bagi Produk Ar Rahnu Care YaPEIM?

BIL	KRITERIA	SYARAT
1	Sakit Kronik (45 jenis penyakit disenaraikan pengendali MySalam) oleh takaful	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Borang permohonan</li> <li>• Kad Pengenalan pemohon</li> <li>• Surat pengesahan penyakit oleh hospital</li> </ul>
2	Diberhentikan Kerja	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Borang permohonan</li> <li>• Kad Pengenalan pemohon</li> <li>• Pengesahan notis berhenti kerja dari syarikat</li> </ul>
3	Kebakaran	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Borang permohonan</li> <li>• Kad Pengenalan pemohon</li> <li>• Laporan Polis</li> </ul>
4	Kemalangan Jalan Raya	
5	Bencana Alam <ul style="list-style-type: none"> <li>- Banjir</li> <li>- Berlaku perubahan pada struktur tanah</li> <li>- Ribut</li> </ul>	
6	Kematian Ketua Keluarga <ul style="list-style-type: none"> <li>- Kemalangan</li> <li>- Kebakaran</li> <li>- Mati lemas</li> <li>- Bencana Alam</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Borang permohonan</li> <li>• Salinan Kad Pengenalan Ibu/Bapa/Penjaga</li> <li>• Salinan pengesahan / surat sumpah anak angkat atau penjagaan (jika berkaitan)</li> <li>• Salinan surat Kematian</li> </ul>

*Nota: Senarai semak dokumen tambahan yang diperlukan boleh didapati di Borang Permohonan Bantuan Amal Jariah YaPEIM.*

**6. Apakah kelebihan yang diperoleh daripada Produk Ar Rahnu Care YaPEIM?**

(a) Pelaksanaan Produk Ar Rahnu Care YaPEIM dengan ciri-ciri seperti berikut:

BIL	BUTIRAN	AR RAHNU CARE YaPEIM
1	Margin Pembiayaan	80%
2	Maksimum Pembiayaan (RM)	RM5,000.00
3	Tempoh Gadaian	6 bulan (dibenarkan satu (1) kali gadaian semula)
4	Upah Simpan (RM)	RM0.75
5	Anggaran Proses	Bantuan Segera ( <i>On the spot</i> )

(b) Pelanggan juga layak untuk memohon Bantuan Amal Jariah YaPEIM dimana pihak YaPEIM akan menyalurkan terus bantuan tersebut sekiranya permohonan diluluskan.

**7. Di manakah saya boleh mendapatkan produk Ar Rahnu Care YaPEIM?**

Di cawangan Ar Rahnu YaPEIM seluruh Malaysia dan Ar Rahnu YaPEIM Akses (*Mobile*).

*Nota: Penawaran Produk Ar Rahnu Care adalah terhad di mana produk ini adalah **first come first serves basis**.*

**8. Mengapakah penawaran Produk Ar Rahnu Care YaPEIM adalah kepada *first come first serves basis*?**

Peruntukan dana adalah TERHAD bagi Produk Ar Rahnu Care YaPEIM. Pelanggan yang layak hanya dibenarkan membuat transaksi gadaian Produk Ar Rahnu Care YaPEIM jika dana yang diperuntukkan masih ada (mencukupi).

**9. Sekiranya selepas tempoh gadaian tamat, selain melakukan penebusan apakah yang boleh dilakukan?**

Pelanggan boleh membuat pilihan untuk mendapatkan perkhidmatan seperti berikut:-

- (a) Kunjungi cawangan Ar Rahnu YaPEIM untuk membuat satu (1) kali gadaian semula menggunakan Produk Ar Rahnu Care YaPEIM atau;
- (b) Kunjungi cawangan Ar Rahnu YaPEIM untuk menukar SAG dan bagi membuat gadaian semula menggunakan Produk Baru Ar Rahnu YaPEIM seperti:
  - (i) Produk Ar Rahnu Prestij YaPEIM
  - (ii) Produk Ar Rahnu Bisnes YaPEIM
  - (iii) Produk Ar Rahnu Emas YaPEIM
  - (iv) Produk Ar Rahnu Didik YaPEIM

**10. Bagaimanakah saya akan dimaklumkan sekiranya tempoh gadaian Ar Rahnu Care YaPEIM hampir tamat?**

Pelanggan akan menerima notis melalui SMS, 14 hari sebelum tempoh gadaian Produk Ar Rahnu Care YaPEIM tamat.

**11. Bagaimanakah cara untuk saya memohon Bantuan Amal Jariah YaPEIM?**

Pelanggan perlu melakukan transaksi gadaian di bawah Produk Ar Rahnu Care YaPEIM terlebih dahulu.

Seterusnya, melengkapkan Borang Permohonan Bantuan Amal Jariah YaPEIM yang diberikan oleh Staf Cawangan Ar Rahnu YaPEIM.

*Nota: Hanya borang permohonan beserta dokumen yang lengkap, jelas, dan boleh dibaca sahaja akan diproses.*

**12. Adakah terdapat dokumen tambahan yang diperlukan sekiranya ingin memohon Bantuan Amal Jariah YaPEIM.**

Ya, terdapat dokumen tambahan yang diperlukan untuk memohon Bantuan Amal Jariah YaPEIM. Pelanggan perlu melengkapkan borang permohonan beserta dokumen tambahan yang diperlukan.

**13. Berapa lamakah permohonan Bantuan Amal Jariah YaPEIM diproses?**

Proses semakan keseluruhan mengambil masa 90hari bermula dari tarikh penghantaran borang bantuan beserta dokumen yang lengkap.

**14. Bagaimanakah saya ingin mengetahui berkenaan status Permohonan Bantuan Amal Jariah YaPEIM?**

- Sekiranya selepas tempoh 90hari penghantaran borang permohonan, pelanggan boleh menghubungi pihak Amal Jariah YaPEIM di talian 03-56149600 untuk bertanya mengenai status permohonan bantuan.
- YaPEIM akan menghantar surat kepada alamat yang didaftarkan di Borang Permohonan Bantuan Amal Jariah YaPEIM sekiranya status bantuan diluluskan berdasarkan kategori di bawah polisi Amal Jariah YaPEIM.

**15. Bagaimana saya ingin mendapatkan maklumat lanjut berkaitan Produk Ar Rahnu Care YaPEIM?**

Maklumat lanjut berkenaan Produk Ar Rahnu Care YaPEIM boleh diperolehi dengan melayari laman sesawang [www.arrassuyapeim.net](http://www.arrassuyapeim.net) atau lawati FB Official Ar Rahnu YaPEIM atau kunjungi Cawangan Ar Rahnu YaPEIM yang berdekatan.